



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of
Corporate Affairs
UTM Kuala Lumpur

Office of Corporate Affairs
Level 16, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(6)03-21805127 / 5073 Fax: +(6)03-21805602 <http://www.utm.my/corporateaffairs/kl> Email: corporate@ic.utm.my

OUR REF.:

KENYATAAN AKHBAR

HEBAHAN SEGERA

KERJASAMA AIIT-UTM DALAM PROJEK APEN-JAIF:

MEMACU INTEGRASI EKONOMI ASEAN MELALUI SISTEM PENDIDIKAN PROFESIONAL (*MULTIVERSITY*) DAN INDEKS KREDIBILITI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (CIS)

Kuala Lumpur, 19 Jan 2016 – Satu majlis menandatangani dokumen memorandum perjanjian (MoA) bagi kerjasama penyelidikan di antara *Advanced Institute of Industrial Technology* (AIIT), Jepun dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diadakan di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur pagi ini. UTM diwakili oleh Naib Canselor, YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar dan AIIT diwakili Presidennya Prof. Dr. Shintaro Ishijima yang juga Pengerusi *Asia Professional Education Network* (APEN).

AIIT merupakan sebuah sekolah siswazah awam yang membangunkan tenaga profesional dan berperanan dalam pembangunan industri di Tokyo, Jepun. Ia ditadbir oleh Universiti Perbadanan Awam Tokyo Metropolitan yang menawarkan kerja kursus dan penyelidikan ke atas teori dan aplikasi dua program siswazah teknologi industri: Sarjana Teknologi dalam Sistem Maklumat dan Sarjana Teknologi Inovasi Rekabentuk dan Kejuruteraan. AIIT merupakan urusetia APEN, sebuah platform pendidikan yang ditubuhkan pada Jun 2011 untuk menghubungkan pelbagai universiti, institusi akademik, syarikat-syarikat awam dan swasta, entiti kewangan dan perusahaan kecil dan sederhana di Asia.



INTELLECTUAL
PROPERTY AWARD 2010
Organisation Category
2006, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009
Outstanding Scholastic Achievement and
Health, Science & Technology



Reader's Digest
TRUSTED BRAND 2010
University Category

APEN menjalankan penyelidikan dan pembangunan sistem pendidikan untuk pembangunan pakar-pakar khusus yang berperanan utama dalam memimpin pembangunan industri di Asia. APEN merangkumi semua negara anggota ASEAN termasuk China, India, Jepun dan Korea dengan misi untuk menyumbang pembangunan mampan dan saksama bagi ekonomi Asia melalui projek-projek yang dibiayai melalui kerjasama APEN-*Japan ASEAN Integration Fund* (JAIF).

Menurut Prof. Datuk Wahid, kerjasama ini amat sejajar dengan misi UTM untuk menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif yang menyumbang kepada penciptaan kekayaan negara. Sebagai sebuah universiti terkemuka berasaskan inovasi, keusahawanan dan penyelidikan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi, kerjasama ini juga sejajar dengan visi UTM untuk menjadi pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia. UTM yang kini berada pada kedudukan ke-100 dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi berdasarkan kepada penarafan terkini 2015 *University QS World Rankings* merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang mengambil bahagian dalam projek APEN-JAIF. Projek ini diuruskan oleh UTM Sekolah Razak dalam Kejuruteraan dan Teknologi Termaju (*UTM Razak School*).

Projek APEN-JAIF ini berjalan selama dua tahun. Dua kerjasama penyelidikan yang akan dilaksanakan adalah untuk membangunkan (i) Sistem Pendidikan Profesional (*Multiversity*) dan (ii) Indeks Kredibiliti Perusahaan Kecil dan Sederhana (CIS), masing-masing diketuai oleh Dr Habibah @ Norehan Hj. Haron dan Prof. Madya Dr. Roslizar Mat Ali. Projek ini bertujuan untuk menghasilkan profesional industri dan meningkatkan daya saing perusahaan kecil dan sederhana di rantau ASEAN melalui penglibatan ahli-ahli ASEAN APEN. Kerjasama ini amat tepat pada masanya bagi mempercepat integrasi ekonomi, mengimbangi pembangunan dan merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN.

Multiversity adalah sistem sekolah profesional yang menyeluruh bagi pendidikan pelajar bermula dari umur seawal 15 tahun untuk tempoh pendidikan selama 9 atau 12 tahun, yang merangkumi kurikulum pendidikan kejuruteraan yang koheren dan konsisten. Jawatankuasa Teknikal *Multiversity* akan mengkaji sistem pendidikan profesional Malaysia dan membandingkannya dengan Model *Multiversity* Normal hasil kajian pihak AIIT, yang menjadi asas rangka kerja dan model kurikulum bagi menghasilkan Peta *Multiversity* APEN untuk Malaysia. Daripada kajian ini, saranan penyesuaian dan pelaksanaan Model *Multiversity* Normal bagi memperbaiki kelemahan dalam kurikulum yang sedia ada akan turut dicadangkan. *UTM Razak School* merancang untuk menganjurkan Persidangan Antarabangsa ASEAN i-HRD, dan akan mengambil bahagian dalam beberapa siri Seminar *Multiversity*, termasuk persidangan terakhir untuk menyebarkan hasil projek ini di Malaysia, beberapa negara ASEAN lain serta Jepun.

CIS pula merupakan satu sistem penilaian kredibiliti operasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara-negara anggota ASEAN dalam meningkatkan daya saing PKS di rantau ini. Syarikat yang dikaji akan menerima maklum balas dari kumpulan penyelidikan untuk memahami kekuatan dan kelemahan mereka, dan digalakkan untuk mengukuhkan daya saing mereka dalam ekonomi global. Prototaip CIS kini sedang dibangunkan oleh AIIT melalui usaha jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan di AIIT. Model CIS Asas dan Model CIS Tempatan untuk negara-negara anggota ASEAN APEN akan dibangunkan, di mana Seminar Penyebaran CIS sebanyak empat kali akan turut diadakan. Malah, dua Mesyuarat Jawatankuasa Bersama CIS dan Mesyuarat Penyelarasan untuk Seminar Penyebaran CIS akan diadakan bagi memastikan kelancaran projek CIS ini.

“Bagi pihak UTM, kami berharap agar pemeteraian MoA atas kerjasama penyelidikan ini akan menjadi titik tolak kepada permulaan pelbagai usahasama lain dalam perkongsian kepakaran pada masa hadapan, khususnya untuk melonjakkan lagi aktiviti, kursus, latihan dan penyelidikan di negara ini dan di peringkat antarabangsa. Jalinan kerjasama seperti ini mampu menempatkan UTM ke tahap yang lebih tinggi di persada dunia, khususnya apabila melibatkan kerjasama dengan institusi terkemuka luar negara”, kata YBhg. Datuk Ir. Dr. Wahid bagi menutup bicara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Dr Habibah @ Norehan Hj. Haron (Projek *Multiversity*)
UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology
Level 7, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur
Hubungi: 012 2240465
E-mel: habibahharon.kl@utm.my

Assoc. Prof. Dr. Roslizar Mat Ali (Projek CIS)
UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology
Level 7, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur
Hubungi: 016 5587070
E-mel: roslizar@utm.my



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of
Corporate Affairs
UTM Kuala Lumpur

Office of Corporate Affairs
Level 16, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(6)03-21805127 / 5073 Fax: +(6)03-21805602 <http://www.utm.my/corporateaffairs/kl> Email: corporate@ic.utm.my

OUR REF.:

PRESS RELEASE

IMMEDIATE RELEASE

UTM-AIIT COLLABORATION IN APEN-JAIF PROJECTS: SPEARHEADING ASEAN ECONOMIC INTEGRATION THROUGH PROFESSIONAL EDUCATION SYSTEM (MULTIVERSITY) AND CREDIBILITY INDEX FOR SMALL AND MEDIUM-SIZED ENTERPRISES (CIS)

Kuala Lumpur, 19 Jan 2016 – The signing and exchanging of a memorandum of agreement (MoA) document, involving a research collaboration between the Advanced Institute of Industrial Technology (AIIT), Japan and Universiti Teknologi Malaysia (UTM) was held at the Chancellery Meeting Room, Menara Razak, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, this morning. UTM was represented by UTM Vice-Chancellor, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar and AIIT President, Prof. Dr. Shintaro Ishijima, who is also Chairman of the Asia Professional Education Network (APEN).

AIIT is a public graduate school established in Tokyo, Japan which aims to develop advanced professionals in industrial development. It is governed by the Public University Corporation Tokyo Metropolitan University, and offers coursework and research on the theories and applications in industrial development through two industrial technology graduate programs, namely, Master of Technology in Information Systems and Master of Technology in Innovation for Design and Engineering.



INTELLECTUAL
PROPERTY AWARD 2010
Organisation Category
2006, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009
Outstanding Scholastic Achievement and
Health, Science & Technology



Reader's Digest
TRUSTED BRAND 2010
University Category

AIIT is the secretariat of APEN, an educational platform established in June 2011 that links various universities, academic institutions, public companies and private companies, financial entities as well as small and medium enterprises in Asia. APEN conducts research and development of education systems in developing specialised experts who play major roles in leading Asian industry development. APEN covers all ASEAN member states as well as China, India, Japan and Korea, with the mission of contributing to sustainable and equitable development for Asian economies through projects funded via the collaboration of the APEN-Japan ASEAN Integration Fund (JAIF).

According to Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid, this collaboration is very much in line with the mission of UTM to become a leader in the development of human capital and innovative technologies that will contribute to the nation's wealth creation. As a leading innovation-driven entrepreneurial research university in engineering science and technology, this collaboration is also in line with UTM's vision to become a world-class centre of academic and technological excellence. UTM, which is now ranked 100th in the field of Engineering and Technology by the 2015/2016 QS World University Rankings, is the only university in Malaysia participating in this APEN-JAIF project initiative, championed by UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology (UTM Razak School).

The APEN-JAIF collaboration is a two-year project, comprising the development of a (i) Professional Education System (Multiversity) and a (ii) Credibility Index for Small and Medium Enterprises (CIS), led by Dr Habibah @ Norehan Hj. Haron and Assoc. Prof. Dr. Roslizar Mat Ali, both from UTM Razak School, respectively. Each project is aimed at producing professional industrial human resource and enhancing competitiveness of small and medium enterprises in the ASEAN region through the involvement of ASEAN APEN members. This collaboration aims to expedite economic integration, create a more equitable economic development and narrow the economic gap amongst the ASEAN member states.

Multiversity is a new comprehensive professional school system with coherent and consistent engineering education curriculum, which admits students from the age of 15 years old. The Multiversity Technical Committee will review the Multiversity Normal Model and utilize it as a common framework and model curricula to produce APEN Multiversity Map for Malaysia. Recommendations on how to adapt and implement the Multiversity Normal Model to rectify weaknesses in the existing curriculum will be proposed. UTM Razak School plans to organize an ASEAN International i-HRD Conference, and will participate in a series of Multiversity Seminars, including a wrap-up conference to disseminate the outcomes of this project not only to stakeholders in Malaysia, but also stakeholders in ASEAN countries and Japan.

CIS on the other hand is an effective system developed to evaluate the operational credibility of small and medium enterprises (SMEs) in ASEAN member states in enhancing competitiveness of SMEs in the region. The surveyed companies will receive feedback from the research group to understand their own strengths and weaknesses, and will be encouraged to reinforce their competitive edge in the globalized economy. The prototype of CIS is presently being developed by AIIT through an effort of a technical committee set up in AIIT. CIS Based Model and CIS Local Models for the respective ASEAN APEN Member countries will be developed, with CIS Dissemination Seminars proposed to be held four times within the APEN-JAIF project duration. To ensure the success of the CIS Project, two CIS Joint Committee Meetings and a Coordination Meeting for CIS Dissemination Seminar will be held.

"UTM hopes that the signing of this MoA will be the starting point for the onset of various other joint ventures in the sharing of expertise in the future, particularly in boosting industrial development activities, courses, training and research, both locally and globally. It is only through such a strategic alliance would we be able to generate more impactful outcomes towards wealth creation and universal prosperity", said Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid in his closing address.

For more information, please contact:

Dr Habibah @ Norehan Hj. Haron (Projek Multiversity)
UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology
Level 7, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur
Contact No.: 012 2240465
E-mail: habibahharon.kl@utm.my

Assoc. Prof. Dr. Roslizar Mat Ali (Projek CIS)
UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology
Level 7, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur
Contact No.: 016 5587070
E-mail: roslizar@utm.my